

12 NOV 1998

OSU LANCAR BUKU MENGENAI PERDANA MENTERI

KOTA KINABALU, 12 Nov (Bernama) -- Timbalan Ketua Menteri Datuk Osu Sukam hari ini melancarkan buku mengenai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bertajuk "A Leader and His Leadership".

Buku setebal 479 muka surat itu yang mengandungi 40 teks ucapan Dr Mahathir sejak 18 tahun lepas itu disusun oleh penulis veteran Aziz Zariza Ahmad.

Ucapan-ucapan itu meliputi pandangan-pandangan Perdana Menteri mengenai pelbagai topik seperti politik antarabangsa, ekonomi, perniagaan, agama dan kebudayaan.

Osu, dalam ucapannya, berkata pembukuan ucapan penting Perdana Menteri itu wajar dan tepat pada masanya terutama dalam mempengaruhi corak pemerintahan dan pengurusan negara di masa hadapan.

Beliau berkata ucapan-ucapan Perdana Menteri di peringkat antarabangsa membuktikan beliau seorang pemimpin yang lantang dan berani terutama dalam menyuarakan kepentingan negara sedang membangun.

"Banyak kepentingan negara-negara sedang membangun yang telah dipinggirkan oleh pembuat dasar di peringkat antarabangsa tanpa mengira kesannya di negara-negara terbabit," katanya.

Turut hadir pada pelancaran itu ialah Menteri Tugas-Tugas Khas Tun Daim Zainuddin.

-- BERNAMA

NT PR